

D450

U B458 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENYIAPKAN SATU KERTAS JAWAPAN BERHUBUNG BEBERAPA FAKTA YANG KURANG TEPAT DAN DISALAH TAFSIR BERKAITAN LAPORAN PASUKAN PEMERHATI KOMANWEL MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM NEGARA INI, BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN SUDAH MENERIMA LAPORAN PASUKAN PERMERHATI KOMANWEL BERHUBUNG PILIHAN RAYA UMUM PADA MINGGU LEPAS.

MENGENAI LAPORAN ITU, BELIAU BERKATA TERDAPAT BANYAK SARANAN YANG TIDAK TEPAT DI DALAMNYA, YANG BELIAU SIFATKAN MEMPUYAI SEBAB-SEBAB TERTENTU.

+KITA AKAN MENGUMUMKAN (JAWAPAN KEPADA LAPORAN ITU) KEPADA ORANG RAMAI SETELAH KITA MEMBUAT PENERANGAN BERHUBUNG PERKARA-PERKARA YANG DISALAH TAFSIR OLEH PASUKAN PEMERHATI ITU SECARA TIDAK SENGAJA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN DI STADIUM BOLA SEPAK, KOMPLEKS SUKAN, PUSAT BANDAR TUN RAZAK, CHERAS, DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ANTARA PERKARA YANG DISALAH TAFSIRKAN OLEH PASUKAN PEMERHATI ITU IALAH BERKAITAN JANGKA MASA KEMPEN, YANG MEREKA DAKWA TERLALU SINGKAT DAN AKHBAR-AKHBAR +MAINSTREAM+ YANG MEREKA DAKWA TIDAK MEMBERIKAN TEMPAT KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG. -- LAGI
1534MST 11 11 90

D451

U B459 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, SEBENARNYA TEMPOH BERKEMPEN SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG ADALAH TIDAK SINGKAT KERANA MEREKA TELAH BERKEMPEN SEJAK DUA TAHUN LEPAS.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA AKHBAR-AKHBAR +MAINSTREAM+ TIDAK MEMBERIKAN TEMPAT KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA LAPORAN DARIPADA PASUKAN PEMERHATI ITU HANYA MERUJUK KEPADA AKHBAR-AKHBAR BERBAHASA INGGERIS.

+SEBALIKNYA AKHBAR-AKHBAR VERNAKULAR SEPERTI DALAM BAHASA CINA DAN TAMIL JUGA MEMBERI LAPORAN YANG MEMIHAK KEPADA PARTI LAWAN, DAN AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN LEBIH RAMAI YANG MEMBACANYA DARIPADA AKHBAR DALAM BAHASA INGGERIS,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KUMUPULAN ITU TIDAK MEMBUAT PENILAIAN MEREKA BERDASARKAN KEPADA KEDUDUKAN AKHBAR-AKHBAR VERNAKULAR TERSEBUT KERANA MEREKA HANYA MEMAHAMI BAHASA INGGERIS.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN JUGA AKAN MENGUMUMKAN KEPADA ORANG RAMAI MENGENAI JAWAPAN TERHADAP SEMUA DAKWAAN ITU PADA MASA YANG SESUAI KELAK. -- BERNAMA
1536MST 11 11 90